

**KONSEP KEWANGAN ISLAM DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI
MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID-19
THE CONCEPT OF ISLAMIC FINANCE IN ECONOMIC OF MALAYSIA
DEVELOPMENT DURING THE PANDEMIC OF COVID-19**

Norfaizah Othman^{1*}, Fadilah Mat Nor²

¹Pensyarah Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, norfaizah@kuis.edu.my

²Pensyarah Jabatan Ekonomi dan Pengurusan, Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, fadilahmn@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 04 April 2021

| Selepas Pembetulan: 09 Mei 2021

| Diterima untuk terbit: 25 Mei 2021

Abstrak

Sistem ekonomi Islam memberi kebebasan kepada semua manusia dalam mencari dan menilai harta mengikut kemampuan. Pemilik harta tidak boleh mengabaikan hak milik orang lain dan kepentingan sosial. Berbanding sistem ekonomi konvensional, lebih mementingkan kepentingan individu secara mutlak. Dalam sistem ini, pembahagian harta tidak dikongsi dengan orang lain. Ia menyebabkan wujud jurang yang besar dalam kalangan orang yang kaya dan yang miskin. Bagi mengurangkan jurang ini, sistem kewangan yang baik dan adil perlu dilaksanakan dalam menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan urusan kewangan, terutamanya untuk menguruskan dana daripada unit lebihan (surplus) kepada unit kurangan (deficit). Tambahan pula penularan wabak COVID-19 yang sedang melanda sekarang ini memerlukan kepada strategi dan perancangan kewangan yang baik bagi mempertahankan ekonomi sesebuah negara. Pelaksanaan sistem kewangan Islam yang dibangunkan bebas daripada riba, aktiviti pelaburan yang berasaskan perkongsian risiko dan keuntungan, zakat dan sedekah sebagai mekanisme untuk mencapai keadilan sosial dan kebajikan masyarakat dalam golongan yang daif dalam aspek pendidikan, kerjaya dan latihan, kesihatan, kebudayaan dan subsidi dapat membantu meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara.

Kata kunci

Sistem kewangan Islam, perkongsian risiko dan keuntungan, pembangunan ekonomi, keadilan sosial

Abstract

The Islamic economic system gives freedom to all human beings in finding and valuing property according to their ability. Property owners must not neglect the property rights of others and social interests. Compared to the conventional economic system, it is more concerned with the interests of the individual in absolute terms. In this system, the division of property is not shared with others. Consequently, it creates a huge gap between the rich and the poor. To reduce this gap, a good and fair financial system needs to be implemented in managing economic activities related to financial transactions, especially to manage funds from surplus units (surplus) to deficit units (deficit). In addition, the current COVID-19 epidemic requires good financial strategies and planning to defend a country's economy. The implementation of an Islamic financial system

developed free from usury, investment activities based on risk and profit sharing, zakat and sadaqah as a mechanism to achieve social conditions and social welfare among the poor in the aspects of education, career and training, health, culture and subsidies

Keywords

Islamic financial system, risk and profit sharing, economic development, social justice

1.0 Pendahuluan

Ekonomi Islam adalah ilmu yang mengkaji kegiatan manusia menguruskan sumber asli demi kebaikan diri serta kebaikan bersama untuk mendapat keredaaan Allah S.W.T. Sistem ekonomi Islam memberi kebebasan kepada semua manusia dalam mencari dan menilai harta mengikut kemampuan. Pemilik harta tidak boleh mengabaikan hak milik orang lain dan kepentingan sosial. Islam juga mengajarkan bahwa keadilan harus ditegakkan kepada sesiapa sahaja Allah S.W.T berfirman *“Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri, atau ibu bapa dan kaum-kerabat kamu”* (An-Nisa' ayat 135). Salah satu bentuk keadilan yang ditekankan oleh Islam ialah keadilan sosial. Keadilan sosial ini bermaksud setiap individu mendapat hak- haknya dan di waktu yang sama ia juga perlu melaksanakan segala tanggungjawabnya untuk merealisasikan keadilan dalam hidupnya. Sebagai contoh, dalam kehidupan sehari-hari golongan kaya bebas mengumpulkan harta sebanyak mungkin dengan cara yang wajar, tetapi hak si miskin dalam hartanya itu tidak boleh dilupakan. Sedangkan sistem ekonomi konvensional pula lebih mementingkan kepentingan individu secara mutlak. Dalam sistem ekonomi konvensional, pembahagian harta tidak dikongsi dengan orang lain. Ia mewujudkan jurang yang besar dalam kalangan golongan yang kaya dan yang miskin.

Bagi mengurangkan perbezaan dalam kalangan dua golongan ini, ia memerlukan sistem ekonomi dan kewangan yang baik dan adil. Ini kerana sistem kewangan merupakan tunjang utama dalam sistem ekonomi Islam. Sistem kewangan Islam yang kukuh dan terancang amat penting bagi menjana pembangunan ekonomi sesebuah negara. Tambahan pula penularan wabak COVID-19 yang sedang melanda sekarang ini. Ia memerlukan kepada strategi dan perancangan kewangan yang baik bagi mempertahankan ekonomi sesebuah negara. Ekoran penularan wabak COVID-19 yang bermula di Wuhan, China pada awal tahun 2020 membawa kepada perintah kawalan pergerakan di pelbagai negara. Tindakan ini bertujuan bagi mengawal penularan dan memutuskan rantai wabak merbahaya ini. Namun, senario ini telah menyebabkan ekonomi kebanyakan negara termasuk Malaysia terjejas.

Pertumbuhan dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia mencatatkan 0.7% pada suku pertama 2020 berbanding 4.5% pada suku pertama 2019 (Bank Negara Malaysia, 2020). Di Malaysia, 2.8 juta isi rumah B40 adalah pekerja berkemahiran rendah. Sebilangan besar mereka menganggur kerana kekurangan kemahiran, pengetahuan dan pendidikan semasa pandemik COVID-19. Selain itu, kadar pengangguran tertinggi dalam kalangan belia dicatatkan oleh kumpulan Bawah 40% (B40) (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2019). Selain itu, berdasarkan laporan KPM, lulusan ijazah pertama mencatatkan kadar pengangguran tertinggi sebanyak 25.3 % dari tahap lain. Malangnya, kadar pengangguran atau bekerja di

bawah kelayakan akademik tertinggi dicatat oleh graduan dari keluarga berpendapatan rendah atau Kumpulan B40 dengan 32.2 % (KPM 2019). Pengangguran menyebabkan isi rumah B40 menghadapi kesulitan kewangan kerana kenaikan kos sara hidup, terdedah kepada kemiskinan, diskriminasi sosial dan ketidaksamaan yang seterusnya tidak dapat mencapai kesejahteraan ekonomi. Menurut Laporan Bank Dunia, kesan ekonomi COVID-19 ini akan menyebabkan hampir 35 juta orang akan tetap dalam kemiskinan dan jumlah orang yang hidup dalam kemiskinan tegar ini akan terus meningkat sehingga 922 juta di seluruh dunia.

Justeru, kefahaman yang jelas tentang konsep kewangan, fungsi sistem kewangan, sejarah awal kewangan Islam serta peranan kewangan Islam dalam membantu pembangunan ekonomi negara dalam mendepani pandemik COVID-19 ini perlu difahami oleh segenap lapisan masyarakat. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada konsep kewangan Islam dalam membantu pembangunan ekonomi negara khususnya ketika mendepani pandemik COVID-19.

1.1 Konsep Kewangan Islam

Kewangan berasal daripada perkataan Latin, "*finis*" yang bermaksud pengeluaran, pengagihan dan pembelian tuntutan-tuntutan ekuiti dan tanggungan (liabiliti) yang dikeluarkan bagi tujuan memperolehi aset-aset yang menghasilkan perolehan. Menurut kamus Webster, kewangan didefinisikan sebagai satu sistem yang mengandungi aliran pusingan wang, pemberian kredit, platform pelaburan dan membekalkan kemudahan-kemudahan bank. Manakala, menurut kamus Oxford, kewangan itu berkaitan dengan wang. Dalam pengertiannya yang luas, menurut Encyclopedia Dictionary of Business Finance, kewangan adalah berkaitan dengan wang dan secara mudah, definisi kewangan adalah penyediaan peralatan bagi pembayaran. Selain itu, ada juga yang mengatakan kewangan itu sebagai sains bagi menguruskan wang. Munn's Encyclopedia pula mengatakan bahawa kewangan itu mempunyai tiga maksud:

1. Mendapatkan wang yang diperlukan bagi menyusun, penyusunan semula atau membesarkan lagi sesuatu perusahaan sama ada melalui penjualan saham, bon, nota-nota dan sebagainya.
2. Satu istilah umum tentang teori dan amalan kredit kewangan, perbankan dan operasi-operasi promosi. Ini termasuklah wang, kredit, perbankan, sekuriti, pelaburan, spekulasi, pertukaran asing dan sebagainya.
3. Pada asasnya, istilah kewangan ini digunakan bagi mendapatkan wang melalui cukai atau pengeluaran bon dan pentadbiran hasil-mahsul dan perbelanjaan kerajaan.


Selain itu, kewangan juga dikatakan mempunyai fungsi-fungsi tertentu seperti mencipta wang, perpindahan wang, pengumpulan tabungan dalam institusi kewangan dan meminjam dan melaburkan wang. Kewangan berperanan sebagai medium untuk memasarkan tuntutan – tuntutan kekayaan yang timbul daripada proses meminjam dan melabur. Disamping sebagai aktiviti – aktiviti yang akan memudahkan proses meminjam dan melabur.

Berdasarkan perbincangan ini, dapat disimpulkan bahawa sistem kewangan merupakan suatu sistem yang melibatkan pengurusan dalam aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan urus niaga kewangan, terutamanya untuk menemukan unit

lebih (*surplus*) kepada unit pengurangan (*deficit*) (Ismail,2013). Mekanisme ini dapat dijelas seperti Rajah 1 dibawah.

Rajah 1 di bawah jelas menunjukkan institusi kewangan memainkan peranan penting sebagai pengantara bagi memudahkan proses tersebut. Melalui pasaran kewangan, dana lebih daripada isi rumah, firma dan kerajaan dipindahkan secara langsung kepada defisit unit yang juga terdiri daripada isi rumah, firma dan kerajaan. Ini dapat membantu meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi, seterusnya membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Malaysia bergerak sebagai negara yang mengamalkan sistem kewangan berteraskan kewangan Islam dan konvensional. Kedua-dua sistem ini melaksanakan fungsi yang sama namun mempunyai ciri-ciri dan prinsip perniagaan yang berbeza.

Rajah 1: Pemindahan Dana daripada Lebih Kepada Unit Defisit



1.2 Sistem Kewangan Islam

Sistem kewangan Islam pada asasnya adalah satu sistem kewangan dalam sebuah sistem ekonomi yang dilaksanakan berdasarkan prinsip dan nilai Islam. Ia bebas daripada unsur-unsur dan aktiviti yang diharamkan oleh Islam. Sistem kewangan Islam adalah sebahagian daripada sistem ekonomi Islam yang menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan kewangan khususnya dalam menemukan unit lebih dan unit kurangan.

Dalam perspektif yang lain, sistem kewangan Islam dilihat sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem ekonomi Islam. Ia merupakan jelmuan daripada urus niaga-urus niaga kewangan yang dijalankan dalam sistem ekonomi Islam. Dengan kata lain sistem kewangan Islam itu meliputi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kewangan (*al-Tasarrufat al-Maliyah*) dalam semua sektor ekonomi Islam.

Justeru, institusi kewangan Islam di Malaysia yang berkembang maju seharusnya berperanan secara proaktif dengan memberi tumpuan kepada usaha menggembeng dana dari sektor yang mengalami lebihan untuk disalurkan kepada sektor yang memerlukan dana untuk mencetus peluang ekonomi yang lebih besar, relevan dan mampu melibatkan kesemua tenaga kerja negara khususnya tenaga kerja Muslim. “Sistem kewangan Islam adalah sebahagian daripada sistem ekonomi Islam yang menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi.”

1.3 Sejarah Awal Kewangan Islam

Walaupun perkembangan kewangan Islam kini dilihat sebagai satu konsep baharu namun sebenarnya ia telah lama bertapak di muka bumi ini sejak 1400 tahun dahulu. Pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, peningkatan perkembangan kewangan Islam meningkat secara mendadak. Institusi kewangan Islam yang terawal berlandaskan konsep bebas riba bermula pada tahun 1963 iaitu Mit Ghamr Bank di Mesir. Penubuhan Mit Ghamr sebagai bank simpanan ditubuhkan oleh El-Naggar yang merupakan seorang pegawai akademik di Mesir. Seterusnya, ia berkembang di Malaysia dengan tertubuhnya Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tahun 1963. Ini menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Asia yang mempelopori industri kewangan Islam di Asia. Kemudian pada tahun 1981, sebuah jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia untuk mengkaji dan mempelajari kaedah pelaksanaan perbankan Islam. Akhirnya, setelah melakukan kajian mendalam dengan bantuan pakar-pakar akademik dan wakil industri perbankan mereka berjaya menghasilkan satu model patuh syariah. Maka, pada tahun 1983 tertubuhlah bank Islam sepenuhnya (*full fledged*) yang pertama di Malaysia iaitu Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB).

Pada tahun 1984, Syarikat Takaful Malaysia Berhad pula ditubuhkan. Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 juga diperkenalkan selari dengan penubuhan kedua-dua institusi ini. Penubuhan institusi-institusi ini telah meletakkan Malaysia di papan sasar sistem kewangan antarabangsa. Selepas tahun 1983, negara-negara Timur Tengah tidak lagi menjadi tumpuan negara-negara yang ingin melaksanakan sistem perbankan Islam. Malah, Malaysia telah menjadi pusat kefahaman serta pembelajaran untuk mendapatkan teknik-teknik yang sesuai dan patuh syariah dalam pelaksanaan sistem perbankan Islam. Brunei, Indonesia, Filipina dan Thailand telah datang ke Malaysia untuk mendapatkan ilmu pelaksanaan perbankan Islam. Selain itu Financial Services Authority (FSA) of United Kingdom (UK) juga telah datang ke Malaysia untuk tujuan yang sama.

“Selepas tahun 1983, negara-negara Timur Tengah tidak lagi menjadi tumpuan negara-negara yang ingin melaksanakan sistem perbankan Islam.”

Pada tahun 1993, Bank Negara Malaysia telah menganjurkan pelbagai inisiatif untuk terus meningkatkan industri kewangan Islam dengan memperkenalkan lesen Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF) ke semua bank-bank konvensional. Ini membuka pasaran produk kewangan dan perkhidmatan kewangan Islam ke tahap yang lebih luas kerana ia turut ditawarkan oleh bank konvensional. Pada tahun yang sama juga, Suruhanjaya Sekuriti (SC) ditubuhkan bagi memantau dan memperkukuhkan pasaran modal Islam.

Pada tahun 1996, STPF telah ditukarkan nama kepada Sistem Perbankan Islam (SPI). Bagi memastikan keseragaman dalam pelaksanaan sistem kewangan Islam, Majlis Penasihat Syariah (MPS) ditubuhkan pada tahun 1997 di Bank Negara Malaysia. Seterusnya bank Islam sepenuhnya yang kedua ditubuhkan iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) pada tahun 1999.

Inovasi dalam pasaran kewangan Islam terus berkembang dengan penawaran sukuk yang pertama iaitu *3 Years Government Investment Certificate* (GIC) berdasarkan kontrak syariah *bai' al-inah* yang didagangkan di pasaran kedua. Penglibatan dalam sistem kewangan Islam di Malaysia tidak hanya tertumpu kepada institusi kewangan tempatan malah dibuka kepada bank-bank asing bermula tahun 2003 yang melibatkan Asian Finance Bank, Al-Rajhi Bank dan Kuwait Finance House. Sehingga kini terdapat 16 buah bank-bank Islam di Malaysia yang melaksanakan sistem perbankan dan kewangan Islam sepenuhnya. Jadual 1 di bawah menunjukkan senarai terkini bank-bank Islam yang beroperasi di Malaysia.


Jadual 1: Senarai Bank yang Menawarkan Produk Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia

No	Nama bank	Pemilikan
1	Affin Islamic Bank Berhad	Tempatan
2	Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad	Asing
3	Alliance Islamic Bank Berhad	Tempatan
4	AmBank Islamic Berhad	Tempatan
5	Bank Islam Malaysia Berhad	Tempatan
6	Bank Muamalat Malaysia Berhad	Tempatan
7	CIMB Islamic Bank Berhad	Tempatan
8	HSBC Amanah Malaysia Berhad	Asing
9	Hong Leong Islamic Bank Berhad	Tempatan
10	Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad	Asing
11	MBSB Bank Berhad formerly known as Asian Finance Bank Berhad	Tempatan
12	Maybank Islamic Berhad	Tempatan
13	OCBC Al-Amin Bank Berhad	Asing
14	Public Islamic Bank Berhad	Tempatan
15	RHB Islamic Bank Berhad	Tempatan
16	Standard Chartered Saadiq Berhad	Asing

Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain itu, pada tahun 2004, Akta Perbankan Syariah 2004 diperkenalkan di United Kingdom untuk membolehkan institusi kewangan di sana melaksanakan sistem kewangan Islam. Di Korea pula, modul pembelajaran berkaitan perbankan Islam telah mula diserapkan dalam modul pelajaran di universiti-universiti mereka di Seoul. Namun, pada tahun 2014, hanya Malaysia yang mempunyai infrastruktur kewangan yang lengkap dan perundangan yang komprehensif yang merangkumi sektor perbankan Islam, takaful dan pasaran modal Islam. Seiring perkembangan tersebut, Malaysia dilihat terus menerajui sektor perbankan dan kewangan Islam sehingga ke hari ini. Ilustrasi perkembangan sektor perbankan dan kewangan Islam dapat disimpulkan seperti Rajah 2 dibawah:

Rajah 2: Ilustrasi Perkembangan Sektor Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia 1963 - 2014




1.4 Prospek dan Prestasi Semasa Pasaran Kewangan Islam

Prospek sektor perbankan dan kewangan Islam dilihat mempunyai masa hadapan yang sangat cerah seiring dengan pertambahan populasi muslim dunia. Malah, perkembangan mendadak sistem kewangan Islam telah membuktikan negara-negara luar yang bukan Islam telah berfikir semula untuk sama-sama melaksanakan sistem kewangan Islam ini. Menurut laporan Pew Research Center, berdasarkan Rajah 3 di bawah terdapat 2.6 million penduduk Islam di seluruh dunia pada tahun 2010. Jumlah ini dijangka akan meningkat sehingga 6.2 million menjelang 2030. Sebanyak 62% daripadanya tinggal di Asia. 19.8 % orang Islam tinggal di kawasan Timur Tengah dan Utara Afrika Afrika, 15.5% di Sub Sahara di Afrika, 2.7% di Eropah dan 0.2% di Amerika. Ini jelas menunjukkan permintaan kepada sistem perbankan Islam sememang tidak terbatas dan semakin meluas.


Rajah 3: Taburan Penduduk Muslim

Regional distribution of Muslims

Population by region as of 2010



Percentage of world Muslim population in each region as of 2010




Note: Population estimates are rounded to the ten thousands. Percentages are calculated from unrounded numbers. Figures may not add to 100% due to rounding.

PEW RESEARCH CENTER

Sumber: Pew Research Center

Rajah 4: Unjuran Populasi Muslim Sehingga 2050



Source: Adapted from Fleishman-Hillard Majlis, The Next Billion: The Market Opportunity of the Muslim World, ISRA

Kebanyakan negara-negara OIC melaksanakan sistem perbankan dan kewangan Islam termasuklah Iran, Saudi Arabia, United Arab Emirates dan Bahrain. Malahan prospek terhadap permintaan sektor perbankan dan kewangan Islam dikukuhkan lagi dengan data yang dikeluarkan ISRA seperti Rajah 4 yang menunjukkan populasi Muslim dunia dijangka meningkat daripada 26% kepada 30% populasi dunia menjelang

tahun 2030 hingga 2050. Pertambahan kepada unjuran ini merupakan satu prospek yang signifikan bagi perkembangan sektor perbankan dan kewangan Islam di Malaysia khususnya dan dunia amnya.

Manakala Jadual 2 di bawah menunjukkan senarai negara-negara di dunia yang melaksanakan sistem perbankan dan kewangan Islam mengikut prestasi negara dan kedudukan negara dalam sektor Perbankan dan Kewangan Islam.

Jadual 2: Skor Prestasi Pelaksanaan Sistem Perbankan dan Kewangan Islam

Negara	Kedudukan 2017	Skor	Kedudukan 2016	Skor
Malaysia	1	79.25	1	77.77
Iran	2	78.42	2	77.39
Arab Saudi	3	65.90	3	66.98
United Arab Emirates	4	38.02	4	36.68
Kuwait	5	35.20	5	35.51
Pakistan	6	24.30	9	18.89
Indonesia	7	23.98	6	24.21
Bahrain	8	21.96	8	21.90
Qatar	9	21.94	7	22.02
Bangladesh	10	16.73	10	16.14

Sumber: Indeks Negara Kewangan Islam, 2017

Berdasarkan Jadual 2, jelas membuktikan bahawa lima negara teratas yang mendominasi industri perbankan dan kewangan Islam adalah Malaysia, Iran, Arab Saudi, United Arab Emirates dan Kuwait. Berdasarkan skor Islamic Finance Index Country (IFIC) 2017, Malaysia kekal kukuh selama dua tahun berturut-turut sepanjang tahun 2016-2017 sebagai negara yang utama dalam industri perbankan dan kewangan Islam selepas Iran. Malah menurut RAM Rating Services Bhd (RAM Ratings), pembiayaan Islam dalam sektor perbankan dan kewangan Islam terus berkembang kira-kira 10 hingga 11 peratus pada 2019 dengan perbankan Islam kekal menjadi teras pertumbuhan sektor perbankan Malaysia secara keseluruhannya. Pertumbuhan sektor perbankan yang kukuh dan stabil penting dalam membantu pembangunan ekonomi sesebuah negara khususnya Malaysia.

1.5 Pembangunan Ekonomi

Pembangunan adalah proses multidimensi melibatkan perubahan besar dalam struktur sosial, sikap popular, dan nasional institusi, serta percepatan pertumbuhan ekonomi, pengurangan ketaksamaan, dan pembasmian kemiskinan. Pembangunan pada dasarnya perlu meliputi keseluruhan perubahan termasuklah dalam sistem sosial. Ia perlu disesuaikan dengan pelbagai keperluan asas dan keinginan individu dan kumpulan tersebut. Selain itu pembangunan juga keluar dari keadaan kehidupan yang dianggap tidak memuaskan kepada keadaan hidup yang dianggap lebih baik dari segi material dan rohani (Todaro, 1997).

Dalam perspektif Islam pula pembangunan ekonomi adalah unik dan asli yang sama sekali berbeza dengan pandangan konvensional, khususnya dalam prinsip asasnya. Objektif pembangunan ekonomi dalam perspektif Islam adalah untuk mencapai kesejahteraan menyeluruh baik di dunia dan di akhirat. Ia dinamakan *falah*. Oleh itu, bagi mencapai konsep *falah* dalam pembangunan, pembangunan ekonomi ini harus seiring dengan objektif utama Shariah iaitu penjagaan iman (*ad din*), diri manusia (*an nafs*), akal (*al aql*), keturunan (*nas*) dan kekayaan (*al mal*). Ia harus menjadi fokus utama dalam semua usaha dan pembangunan manusia. Memenuhi lima perkara ini menjadi keperluan dan syarat untuk mencapai kesejahteraan dan kehidupan bahagia di dunia dan akhirat. Kesejahteraan dalam kehidupan duniawi adalah sementara, sementara kesejahteraan di akhirat kekal (Al-Qur'an, 87: 16-17, 9:38), jadi *falah* adalah konsep kesejahteraan manusia yang menyeluruh dan holistik (Qur'an, 2: 201, 28:77).

Sebagai tambahan, Sadeq (2006) mendefinisikan pembangunan ekonomi Islam sebagai peningkatan yang seimbang dan berterusan dalam aspek material dan bukan material. Beliau menggambarkan perkembangan sebagai proses multidimensi yang melibatkan peningkatan kesejahteraan melalui kemajuan, penyusunan semula dan reorientasi keseluruhan ekonomi dan sosial sistem, dan melalui peningkatan rohani, sesuai dengan ajaran Islam. Tiga kata kunci yang ditekankan oleh Sadeq (2006) merangkumi keseimbangan, mengekalkan, dan multidimensi. Ia adalah komposit kehidupan kesejahteraan manusia yang lengkap yang diperlukan dalam pembangunan ekonomi Islam.

Secara umumnya pembangunan sesebuah negara boleh diukur berdasarkan kepada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jumlah kemiskinan, dan kadar pengangguran. Ekoran penularan wabak COVID-19, kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia yang merangkumi sektor pembuatan, perkilangan, perlombongan, pertanian dan perkhidmatan hanya mencatatkan perkembangan pada tahap 0.7% pada suku pertama 2020. Ia menunjukkan jumlah penurunan yang sangat tinggi berbanding tahun sebelumnya iaitu 4.5%. Selain, itu di Malaysia berdasarkan survey yang dijalankan oleh Think City pada Mac 2020, 2.8 juta isi rumah B40 di Malaysia menganggur. Mereka terdiri daripada pekerja berkemahiran rendah, kualiti kesihatan rendah dan buta huruf. Kebanyakan mereka menghadapi kesulitan kewangan kerana kenaikan kos sara hidup, terdedah kepada kemiskinan, diskriminasi sosial dan ketidaksetaraan yang seterusnya menyebabkan mereka tidak mendapat kesejahteraan dalam hidup.

Bagi meyakinkan segenap lapisan masyarakat agar dapat mencapai kesejahteraan ekonomi dan sosial serta pembangunan ekonomi yang stabil, mereka perlu melengkapkan diri dengan kemahiran insaniah, pengetahuan dan persediaan mental dan fizikal yang kuat terutama dalam mendepani penularan pandemik COVID - 19. Oleh itu, kerajaan, institusi kewangan dan seluruh rakyat perlu bekerjasama dalam memastikan kestabilan pembangunan ekonomi tercapai.


2.0 PERBINCANGAN

Sistem kewangan Islam yang stabil penting bagi membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara terutama dalam mendepani pandemik COVID-19. Justeru, peranan sistem kewangan Islam perlu dibincangkan dan diperhalusi dengan lebih mendalam. Perbincangan dalam bab ini akan memberi fokus kepada aspek peranan sektor perbankan dan kewangan Islam dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

2.1 Peranan Sistem Kewangan Islam dalam Pembangunan Ekonomi Negara

Sektor perbankan dan kewangan Islam wujud sebagai salah satu sistem di bawah bidang Ekonomi. Bermakna kewujudan sektor ini mempunyai peranan dan mekanisme tertentu dalam menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Perbezaan utama antara mekanisme Ekonomi konvensional dan Islam ialah pengantian ekonomi riba kepada satu alternatif yang dinamakan perkongsian untung rugi. Rajah 5 merupakan gambaran mekanisme Urusniaga perbankan menurut perspektif Islam.

Rajah 5: Mekanisme Urusniaga Bank Islam



Andaikan I= pelaburan; Y= jumlah pendapatan; C= Penggunaan; S= Tabungan

Berdasarkan Rajah 5 di atas, ia jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan sistem perbankan dan kewangan Islam yang dibangunkan bebas daripada riba, aktiviti pelaburan yang berasaskan perkongsian risiko dan keuntungan. Mekanisme tersebut boleh dipecahkan kepada beberapa perbincangan penting:

2.1.1 Analisis Modal Tanpa Riba dalam Perbankan Islam

Islam tidak mengakui pulangan modal dalam bentuk riba yang jelas haramnya secara *qat'iy* tetapi memberi jalan keluar iaitu keuntungan atau sewa mengikut modal. Rajah 5 menerangkan bahawa Islam telah menetapkan saluran tertentu apabila modal dapat menghasilkan pulangan bukan dalam bentuk riba tetapi dalam bentuk keuntungan. Di mana dengan melabur pada pelaburan yang sihat, pemodal akan benar-benar terlibat dalam proses pengeluaran dan sanggup menghadapi risiko. Oleh itu, Ekonomi Islam menghalalkan berbagai-bagai bentuk pelaburan untuk diusahakan seperti *Mudharabah*, *Musyarakah* atau secara persendirian. Walaupun Malaysia telah menawarkan moratorium ansuran bulanan untuk enam bulan, ukuran ini hanya sementara dan tidak berkekalan untuk jangka masa panjang dalam menghadapi cabaran COVID-19.

Menariknya, kewangan Islam melalui kontrak pembiayaan pembahagian untung rugi, (PLS) dapat menawarkan penyelesaian alternatif mengenai bagaimana perniagaan dan pemodal boleh bekerjasama bagi mendepani penderitaan COVID-19. Didalam aplikasi PLS ini pemodal dan pengusaha bersetuju untuk mengambil bahagian dalam perniagaan tertentu sebagai ganti bahagian yang akan datang untung atau rugi (jika ada). Bahagian ditentukan dalam proses perundingan sebelum menandatangani kontrak. Sebagai pihak menerima untuk berkongsi hasil perniagaan yang terdedah kepada pelbagai jenis risiko, mereka akan berkongsi risiko dan pulangan perniagaan (Siddiqi 1983; Chapra 1992; Mirakhor & Zaidi 2007; Farooq 2007; Ajija et al. 2012). Ia berbeza dengan kontrak berasaskan riba (IBC). Dalam aplikasi ini pemodal meminta kadar yang telah ditentukan untuk setiap unit pinjaman wangnya tanpa mengira pulangan sebenar yang dihasilkan oleh perniagaan yang dijalankan. Ini bermaksud bahawa pemodal mengalihkan risiko yang berkaitan dengan perniagaan kepada pengusaha. Akibatnya, IBC dikenali sebagai kontrak pemindahan risiko. Namun, itu tidak bermaksud pemodal bebas dari sebarang risiko. Ia bermaksud bahawa tidak seperti PLS, pulangan pembiaya di IBC bebas daripada risiko pelaburan atau risiko perniagaan yang dijalankan seperti kegagalan projek yang semakin meningkat dalam industri pelancongan dan pengangkutan kerana arahan perintah pergerakan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan bagi menangani penularan wabak COVID-19.

IBC dan PLS adalah dua kontrak kewangan di pasaran kewangan global yang mempunyai ciri khas mereka tersendiri. Walaupun kedua-duanya mempunyai fungsi yang sama iaitu menyalurkan wang ke peluang pelaburan, mereka mempunyai perbezaan kesan terhadap pengembalian risiko pada peserta yang terlibat (Abdul-Rahman dan Gholami, 2020). Walaubagaimanapun, kedua-dua kontrak ini (PLS dan IBC) adalah kontrak yang dipraktikkan di dunia nyata. IBC adalah kontrak dominan dalam sistem kewangan konvensional pada masa kini. Sebelum munculnya Islam, PLS adalah kontrak popular di Hejaz (Askari et al. 2014) terutama dalam bidang saham, pembahagian saham dan bentuk ekonomi agraria yang lain (Dar 1997). Kini, PLS adalah kontrak biasa bukan hanya di sistem perbankan di Iran, Indonesia, dan Pakistan (Sadr & Gholami 2020), tetapi juga di berbagai sektor seperti pertanian (Crane & Leatham 1993) atau industri minyak (Ghandi & Lin 2014). Oleh itu, pelbagai bentuk PLS telah diguna pakai dalam pelbagai sektor ekonomi di seluruh dunia.

Ciri utama kontrak IBC adalah elemen pengalihan risiko dari pemodal kepada peminjam. Pelabur IBC mengalihkan semua risiko berkaitan projek kepada pengusaha.

Sebagai contoh, dalam pelaburan bon kerajaan para pelabur berharap dapat memperoleh pulangan kadar bebas risiko sementara kerajaan menanggung semua risiko projek. Dengan kata lain, pulangan pelabur adalah bebas dari perniagaan dan risiko keadaan ekonomi, tanpa mengira risiko yang dijangkakan dan tidak dijangka seperti COVID-19. Akibatnya, IBC menyebabkan jurang antara kadar pulangan sebenar (iaitu berdasarkan prestasi perniagaan) dan pulangan pelabur (iaitu berdasarkan keuntungan bersih perniagaan dengan kos pembiayaan tetap). Oleh yang demikian, aplikasi kontrak berasaskan riba ini mewujudkan jurang yang dibesar dalam kalangan orang kaya dan miskin. Disamping itu kewujudan riba dalam pembiayaan modal hanya akan menggalakkan pengangguran dana pelaburan, menyekat pelaburan dalam pengeluaran dan merendahkan sut modal. Ia juga menyebabkan dana pelaburan tidak produktif dan ketidakcekapan dalam pelaburan.

2.1.2 Pelaburan Sihat antara Bank dan Usahawan

Melalui Rajah 5 juga hendak diterangkan bahawa institusi perbankan digalakkan untuk melaksanakan perkongsian risiko dan keuntungan antara usahawan dan bank. Dalam keadaan ini, usahawan akan cenderung untuk bekerjasama dengan bank untuk memperolehi perkhidmatan percuma dari bank dan juga untuk mendapat faedah-faedah pengalaman kewangan dan perniagaan yang dimiliki oleh bank. Ini dapat mengurangkan aktiviti-aktiviti pelaburan yang tidak sihat dalam kalangan para usahawan. Selain itu, gabungan kerjasama yang baik antara usahawan dan bank dapat meningkatkan kemajuan ekonomi. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, PLS adalah kontrak bersama di mana semua peserta bekerjasama untuk mendapatkan keuntungan dengan cara melabur aset mereka termasuk dana, mesin, tenaga kerja, kepakaran pengurusan, pengetahuan teknologi, kemahiran, dan sebagainya.

Sebagai contoh, usahawan boleh terlibat dalam PLS sama ada dengan menyumbangkan wang tunai atau komoditi. Sekiranya sumbangan dalam bentuk komoditi, nilai pasarnya mesti ditentukan (Usmani & Zubairi 2002). Oleh kerana kontrak berakhir berdasarkan persetujuan bersama, usahawan dan bank yang terlibat perlu berunding mengenai bahagian mereka (dari jangkaan keuntungan) sebelum memetriai kontrak. Oleh kerana mereka berkongsi keuntungan yang terdedah kepada risiko, pulangan pelabur juga dipengaruhi oleh risiko perniagaan. Dalam usaha menangani wabak ekonomi COVID-19, PLS merupakan salah satu alternatif pembiayaan yang paling sesuai kerana mengagihkan risiko antara pihak yang terlibat berdasarkan rundingan sebelumnya serta menjalin hubungan langsung antara pasaran wang dan sektor ekonomi sebenar. Tidak dapat dinafikan bahawa pembiayaan PLS mendedahkan pemodal atau bank kepada beberapa cabaran seperti risiko pelaburan, berusaha memilih rakan kongsi yang sesuai, dan kekurangan keselamatan modal (Abdul-Rahman & Nor 2017). Walaupun begitu, bukti empirikal telah menunjukkan bahawa mekanisme PLS dan pendeposit *Mudharabah* dapat mengimbangi sebahagian pelaburan berisiko berdasarkan institusi kewangan (Abdul-Rahman et al. 2019). Di samping itu, bank yang menawarkan sejumlah besar pembiayaan PLS cenderung lebih cekap berbanding dengan bank lain kecuali dalam tempoh krisis kewangan (Othman, Abdul-Majid & Abdul-Rahman 2017).

2.1.3 Kitaran Pendapatan yang Lebih Relatif

Seterusnya, penglibatan pelabur yang terdiri daripada isi rumah dan usahawan ini sekali gus akan mewujudkan kitaran pendapatan yang lebih relatif. Pendapatan ini seterusnya akan disalurkan semula kepada sistem agihan pendapatan dan faktor pengeluaran. Secara khusus sistem kewangan Islam berperanan untuk mengagihkan dana kepada sektor ekonomi yang berkaitan. Perbankan Islam boleh merencanakan satu sistem jaminan untuk industri, modal kerja dan peralatan. Jaminan sedemikian dapat membantu menggalakkan aliran masuk modal persendirian ke negara-negara Islam termasuklah Malaysia. Namun begitu, tinjauan kesan COVID-19 oleh Produktiviti Malaysia (MPC) (2020), terhadap produktiviti syarikat-syarikat mendapati lebih daripada 50% responden telah mengalami penurunan tahap produktiviti antara 25% hingga 100%. Lebih 70% perniagaan mengalami kesan dalam pendapatan dan berhadapan kerugian berikutan sekatan pergerakan ke atas individu dan barang ketika PKP dilaksanakan bermula 18 Mac 2020 yang lalu. Dalam tempoh pelaksanaan PKP kebanyakan perniagaan perlu dihentikan hampir 2 bulan. Ia menyebabkan aliran tunai masuk perniagaan turut terhenti. Sedangkan kos operasi perniagaan seperti sewa premis, utiliti, gaji pekerja, keperluan membayar hutang pembekal dan liabiliti lain masih perlu ditanggung peniaga dan majikan. Kesannya terdapat syarikat yang terpaksa memberhentikan pekerja, mengarahkan pekerja bercuti tanpa gaji atau mengurangkan bayaran upah bagi mengurangkan kesan kerugian ke atas syarikat supaya syarikat masih dapat dikekalkan. Ini menyebabkan kesan negatif lain dalam tenaga kerja iaitu peningkatan kadar pengangguran, kehilangan aset dan hutang terkumpul. Kehilangan pekerjaan dalam kalangan masyarakat menyebabkan kitaran aktiviti dalam ekonomi seperti permintaan dan penawaran barangan dan perkhidmatan turut terjejas dan akhirnya mengurangkan jumlah tabungan untuk aliran modal dalam ekonomi. Walaupun pelbagai inisiatif yang telah diumumkan oleh kerajaan dalam membantu pertumbuhan ekonomi perusahaan kecil dan sederhana dalam mengurangkan impak negatif COVID-19, bantuan daripada zakat masih diperlukan bagi membantu golongan peniaga kecil dan penjaja.

2.1.4 Sistem Zakat

Sesuai dengan kewajipan terhadap zakat, pelaburan yang sihat akan menerbitkan keberkatan dalam pelaburan dan penjanaan pendapatan kepada usahawan. Justeru pendapatan yang lebih relatif membolehkan usahawan mendapat lebihan berupa keuntungan seterusnya mencukupkan haul usahawan menunaikan kewajipan berzakat. Untuk mencapai keseimbangan dalam ekonomi, Islam memperkenalkan pelaksanaan zakat ke atas kumpulan wang yang berlebihan. Zakat merupakan cukai yang mesti dibayar oleh golongan kaya untuk kebajikan umum dalam negara secara keseluruhannya. Ia bertujuan untuk memindahkan harta daripada golongan yang kaya kepada golongan yang miskin.

Bidang pentadbiran dan pengurusan zakat di negeri-negeri seluruh Malaysia adalah terletak bawah bidangkuasa dan pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) di bawah akta atau enakmen di negeri masing-masing. Akta atau enakmen ini memperuntukkan kuasa kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau syarikat yang dilantiknya memungut zakat daripada pemilik harta dan menguruskan agihannya mengikut bahagian asnaf yang ada di negeri masing-masing. Asnaf zakat ini telah diterangkan dalam firman Allah S.W.T dalam al-Quran, surah at-Taubah ayat 60 yang bermaksud seperti berikut:

Maksudnya: “Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya, untuk memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana”

Asnaf fakir merujuk kepada orang Islam yang tiada harta atau pendapatan, atau ada harta atau pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah dirinya dan tanggungannya. Manakala asnaf miskin adalah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50 peratus keperluan dirinya dan tanggungannya tetapi masih belum mencukupi had kifayah (Mohamad Shuhaimi, 2020). Justeru bantuan zakat diberikan kepada mereka sama ada untuk memulakan perniagaan atau meneruskan perniagaan sedia ada bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka. Golongan peniaga kecil dan penjaja adalah dikategorikan daripada asnaf fakir atau asnaf miskin. Mereka ini yang kebiasaannya hanya mempunyai pendapatan yang terhad atau yang bergantung kepada pendapatan harian, sudah pastinya amat terkesan apabila tidak dibenarkan berniaga atau beroperasi ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara. Menyedari kesempitan dan kesulitan yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan semasa COVID-19, pengurusan zakat negeri-negeri telah mengumumkan peruntukan bantuan zakat kepada mereka dengan segera.

Sebagai contoh di Wilayah Persekutuan, Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah mengumumkan peruntukan khas berikutan COVID-19. Secara keseluruhan sebanyak RM25.11 juta diperuntukkan untuk Bantuan Kecemasan Zakat COVID-19 meliputi pelbagai kategori bertujuan meringankan beban mereka yang terjejas dan terkesan akibat PKP. Bantuan kecemasan ini turut disediakan untuk mereka yang terjejas pendapatan dan tidak menerima bantuan kewangan bulanan MAIWP merangkumi penjaja dan peniaga kecil, pekerja dan individu yang terjejas sumber pendapatan agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam tempoh COVID-19.

Di Selangor, sebanyak RM15 juta telah diperuntukkan bagi membantu keperluan dan kebajikan mereka yang terjejas perniagaannya akibat Perintah Kawalan Pergerakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Bantuan khas COVID-19 ini mensasarkan 20,000 penerima dalam kalangan B40 khususnya penjaja dan peniaga kecil dengan bantuan maksimum sebanyak RM500.

Seterusnya di Johor bantuan disalurkan kepada peniaga-peniaga kecil asnaf dibawah MAINJ, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM100,000 oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) Bantuan diagihkan kepada 200 penerima secara *one-off* bertujuan untuk meringankan beban peniaga-peniaga kecil asnaf MAINJ yang terjejas.

Di negeri Perak pula Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak telah memperuntukkan dana khas agihan zakat sejumlah RM11,110,000. Daripada jumlah tersebut, RM2 juta disasarkan kepada peniaga, penjaja, usahawan yang pernah menerima bantuan modal perniagaan daripada MAIPk. Golongan sasaran ini adalah

mereka yang terjejas perniagaannya susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak COVID-19.

Berdasarkan sumbangan yang telah disalurkan oleh pengurusan zakat di setiap negeri, ini jelas menunjukkan bahawa zakat juga berperanan sebagai alat dasar fiskal yang akan menambah permintaan agregat isi rumah khususnya golongan miskin. Tambahan permintaan agregat menunjukkan pertambahan kuasa beli bagi golongan miskin dan mengaktifkan aktiviti ekonomi. Justeru bayaran zakat oleh usahawan telah termasuk di dalam bayaran pindahan dan tentunya akan mempunyai kesan agihan terhadap ekonomi secara keseluruhannya. Secara ringkasnya, bank sebenarnya boleh dianggap sebagai mekanisme yang paling baik untuk kemakmuran ekonomi sesebuah negara.

2.1.5 Objektif Ekonomi Islam : Keadilan Sosial

Keperluan perbankan dan kewangan Islam dilihat sangat signifikan sehingga ianya dipercayai boleh membantu dalam mencapai objektif kepada ekonomi Islam itu sendiri iaitu mencapai keadilan sosial. Hal ini seperti yang disebut oleh Hasan (1990) dimana kesejahteraan ekonomi dan sosial adalah objektif terpenting. Kesejahteraan ekonomi dan sosial ditakrifkan oleh Hasan sebagai termasuk dalam hal penggunaan sumber yang optimum tanpa pembaziran, cekap, dan berkesan. Selain daripada bagi mencapai kesaksamaan agihan harta, kekayaan, pendapatan dan pembangunan melalui keadilan. Kewujudan perbankan dan kewangan Islam yang dimulakan dengan penawaran pembiayaan tanpa riba dilihat mampu membawa kepada pencapaian matlamat ekonomi secara keseluruhan iaitu bagi mencapai kesejahteraan ekonomi dan sosial.

3. 0 Kesimpulan

Secara keseluruhan sistem kewangan Islam jelas memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi dan melengkapkan keperluan masyarakat untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan secara patuh syariah. Sistem kewangan Islam di Malaysia merupakan satu sistem kewangan Islam yang lengkap dan menjadi pemacu dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Di persada antarabangsa, Malaysia menjadi sebuah negara yang mempunyai sektor kewangan Islam yang paling komprehensif di dunia. Pencapaian ini didukung oleh semua komponen-komponen penting yang diperlukan oleh sesebuah sistem kewangan untuk berfungsi secara efektif dan efisien. Komponen ini merangkumi perbankan Islam, takaful, pasaran wang dan pasaran modal Islam. Prasarana ini juga dilengkapi dengan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan syariah yang mantap bagi memastikan sektor kewangan Islam dapat berkembang secara teratur dan membantu menjamin kestabilan kewangan negara.

Peranan sektor perbankan dan kewangan Islam dapat dibuktikan dengan jelas terhadap keadilan sosial dan kebajikan masyarakat dalam golongan yang daif dalam aspek pendidikan, kerjaya dan latihan, kesihatan, kebudayaan dan subsidi dapat membantu meningkatkan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Ia juga menjadi kewajipan kepada institusi perbankan Islam itu sendiri untuk memberi keyakinan kepada masyarakat akan keistimewaan institusi perbankan Islam pada hari ini. Ini kerana ketidakwujudan sistem kadar bunga tetap dalam sistem ekonomi Islam. Pelaksanaan kadar bunga (IBC) dalam sistem perbankan konvensional akan memburukkan lagi masalah pengangguran dan akhirnya akan menggalakkan agihan pendapatan yang tidak seimbang di antara golongan kaya dan miskin.

Akhir sekali, pencapaian kepada matlamat kesejahteraan ekonomi dan sosial ini akan membawa kepada matlamat unggul dan terakhir ekonomi itu sendiri iaitu bagi mencapai *al falah* (kejayaan). Skop *al falah* ini telah merangkumi kejayaan dunia dan ahirat berdasarkan ketaatan dan pengabdian kepada Allah secara ikhlas. Justeru, arah kegiatan ekonomi termasuklah kegiatan perbankan dan kewangan Islam mestilah merangkumi kedua-dua aspek tersebut. Menegak dan meneruskan sistem perbankan dan kewangan Islam khususnya merupakan satu kewajipan demi kejayaan setiap individu. Selain itu, tuntutan untuk melabur, bersedekah, memberi zakat, dan memberi derma, yang dapat memberi implikasi selain meningkatkan kepercayaan kepada Allah, memupuk rasa kemanusiaan yang tinggi, menghilangkan kesengsaraan, keserakahan dan materialisme, memupuk ketenangan hidup, membersihkan dan mengembang harta benda, juga dapat mengatasi pelbagai masalah sosial, ekonomi, pendidikan, persekitaran dan aspek kehidupan yang lain. Peranan ini diharapkan dapat mengatasi kejutan ekonomi seperti COVID-19 yang berlaku dan seluruh masyarakat, khususnya umat Islam, dapat turut serta bekerjasama dalam menyumbang kepada pemulihan wabak ini.

Rujukan

- Abdullah Basmeih. 2000. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran (30 Juz). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul-Rahman, A. & Gholami. 2020. Islamic Finance and COVID-19 Recovery: The Role Profit-Loss Sharing Contract. Jurnal Pengurusan 59. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2020-59-02>
- Abdul-Rahman, A., & Nor, S.M. 2017. Challenges of profit-and-loss sharing financing in Malaysian Islamic banking. Geografia-Malaysian Journal of Society and Space 12(2): 39-46.
- Abdul-Rahman, A., Abdul-Majid, M. & KJ, N.F. 2019. Equity-based financing and liquidity risk: insights from Malaysia and Indonesia. International Journal of Economics, Management and Accounting 27(2): 291-313.
- Abu Bakar, H., 2003. Apa itu Ekonomi Islam. PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd., Pahang, Malaysia. Pp 33-44.
- Achene. L. 2013. Maqasid Al-Syariah in Islamic Finance. IBFIM, Kuala Lumpur.
- Ajija, Rohmatul, S., Annisa, E. & Hudaifah, A. 2012. How do Islamic banks optimize profit and loss sharing arrangements? Economics and Management 16 (2): 118-24.
- Askari, H, Iqbal, Z. & Mirakhor, A. 2010. Globalization and Islamic Finance: Convergence, Prospects and Challenges. Vol. 778. John Wiley & Sons.
- Bank Negara Malaysia. 2016. Establishment of Financial Technology Enabler Group, 2 June 2016
- Bernama. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1824913, (diakses pada 15 September 2020); Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. <https://www.maiamp.gov.my/index.php/info/berita/535-skim-bantuan-modal-membantu-asnaf-menjana-pendapatan.html> (diakses pada 31 Mei 2021)
- Bernama. https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1860459, PPZ bantu peniaga kecil terjejas COVID-19, 14/07/2020 (diakses pada 30 Mei 2021)

- Chapra, M.U. 1992. Islam and the international debt problem. *Journal of Islamic Studies* 3(2): 214–32.
- Crane, Laurence, M. & Leatham, D.J. 1993. Profit and loss sharing in agriculture: An application of Islamic Banking. *Agribusiness* 9(4): 403–12.
- Dar, M.H.A. 1997. *A Comparative Analysis of Sharecropping and Mudarabah Business in Pakistan: A Study of PLS in the Context of the New Theory of the Firm*. University of Cambridge.
- Farooq, M.O. 2007. Partnership, equity-financing and Islamic finance: Whither profit-loss sharing? *Review of Islamic Economics (Special Issue)* 11: 67–88.
- Ghandi, A. & Lin, C-Y.C. 2014. Oil and gas service contracts around the world: A review. *Energy Strategy Reviews* 3: 63–71.
- Hassan, SH.Mohd Saifuddeen SH.Mohd Salleh dan Hamiza Ibrahim.1990. *Globalisasi: Peranan Ekonomi dan Kewangan Islam*. Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- IBFIM, 2011. *Panduan Asas Perbankan Islam*. Percetakan Mesbah Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia. pp 1-18.
- Ismail, A.G .2013. *Money, Islamic banks and the Real Economy*. Cengage Learning, Kuala Lumpur.
- Lembaga Zakat Selangor (LZS). <https://www.zakatselangor.com.my/terkini/29000-penerima-bantuan-khas-covid-19-lzs-terima-manfaat-agihan-zakat/> (diakses pada 31 Mei 2021)
- Majlis Agama Islam Negeri Johor. <https://www.majlis.gov.my/?p=5066> (diakses pada 31 Mei 2021)
- Mannan, M.A, Abdul Kader, R. dan Man,Z.,1992. *Ekonomi Islam: Teori dan Praktis*. A.S Noordeen, Kuala Lumpur, Malaysia. Pp 42-62.
- Mirakhor, A. & Zaidi, I. 2007. Profit-and-loss sharing contracts in Islamic finance. *Handbook of Islamic Banking*: 49.
- Mohamad Shuhaimi,F. 2020. Peranan Zakat Dalam Membantu Peniaga Kecil Dan Penjaja Yang Terjejas Akibat Penularan Wabak Coronavirus Di Malaysia.Proceeding Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains.pp 232:246. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/6806>.
- Othman, N., Abdul-Majid, M. & Abdul-Rahman, A. 2017. Partnership financing and bank efficiency. *Pacific-Basin Finance Journal* 46: 1-13.
- Sadeq, Abul Hasan.2006. *Development Issues in Islam*, International Islamic University Malaysia
- Sadr, S.K. & Gholami, R. 2020. Chapter 9: Monitoring strategy in profit-loss sharing arrangement: Cost or investment? In *Handbook of Analytical Studies in Islamic Finance and Economics*. (Vol. 4). Walter de Gruyter GmbH & Co KG: 217-228.
- Siddiqi, M.N. 1983. *Banking Without Interest* (Vol. 5). Leicester, England: The Islamic Foundation.
- Surtahman Kastin Hasan & Sanep Ahmad, 2005. *Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Todaro, Michael P. 1997. *Economic Development*, 6th Edition, Reading, Massachusetts: Addison-Wesley.
- Usmani, M.I.A. & Zubairi, Z. 2002. *Islamic Banking*. Karachi: Darul-Ishaat Urdu Bazar.